

Baru-baru ini, Universiti Teknologi Nanyang (NTU) meningkatkan jumlah kelas bahasa yang ditawarkan bagi pelajarannya, termasuk Bahasa Russia – yang diwujudkan kerana permintaan pelajar melalui satu tinjauan – serta Bahasa Isyarat Singapura. Kini, NTU menawarkan sebanyak 14 kursus bahasa dan langkah ini mendapat sambutan baik. Ikuti laporan **NUR HUMAIRA SAJAT** (nhumaira@sph.com.sg) mengenai pelajar yang mendapat kesan positif daripada kelas tersebut.

# Pucuk dicita ulam mendatang

Tidak lepas peluang ikuti kelas bahasa Russia agar tidak kekok melancong sendirian ke negara itu



**MINAT BAHASA RUSSIA:** Cik Nur Shimma Abdul Rahim, pelajar NTU jurusan Sastera Inggeris, berhasrat dapat membaca dan memahami buku yang sedang dipegangnya dalam teks asal Bahasa Russia. – Foto-foto SHAHRIYA YAHYA

BELIAU memang berhasrat menyertai kelas bahasa Russia pada akhir semesternya. Secara kebetulan, Universiti Teknologi Nanyang (NTU) membuka kelas elektif tersebut secara percuma.

Dengan serta-merta, Cik Nur Shimma Abdul Rahim mengikuti kelas itu walaupun sudah mencapai kredit yang diperlukan bagi kursus elektif.

“Saya menulis kepada sekolah supaya mengizinkan saya mengambil subjek elektif tambahan. Saya mahu mempelajari asas bahasa ini dan sambung di luar apabila saya menamatkan pengajian nanti,” kata pelajar NTU tahun keempat itu.

Cik Shimma mengambil jurusan Sastera Inggeris dan melalui kursus itu beliau terdedah kepada sastera Russia.

“Saya tertarik kerana budaya Russia tidak sering ditonjolkan di Singapura. Oleh itu, saya menyelidik sejarah,

budaya dan bahasa mereka,” katanya yang menulis tentang *The Master and Margarita*, sebuah novel Russia hasil pena Mikhail Bulgakov, bagi tesis tahun akhirnya.

Dari situ, beliau bertekad mahu berupaya membaca dan memahami novel tersebut dalam teks asal Russia.

Menurutnya, mempelajari bahasa itu mencabar kerana banyak huruf baru yang perlu dipelajari.

“Cara menyebut huruf-huruf juga berbeza. Seperti contoh, huruf ‘p’ bunyinya macam ‘r,’” tambah Cik Shimma, 27 tahun, sambil tertawa.

Namun baginya, latihan menghasilkan kesempurnaan, dan beliau banyak mengamalkan bahasa ini supaya dapat membiasakan dirinya.

“Kadangkala, saya menjawab mesej rakan saya dalam bahasa Russia. Apabila mereka tidak faham, saya mengajar mereka. Itu membantu saya ingat apa yang dipelajari,” ujarnya.

Cik Shimma menambah bahawa guru kelasnya banyak berkongsi tentang adat dan budaya orang Russia.

Selain daripada filem-filem Russia yang akan ditayangkan di luar kelas, gurunya juga berkongsi maklumat di laman Facebook, serta membawa makanan Russia halal ke kelas supaya mereka dapat menikmati budaya Russia.

Walaupun bahasa Russia bukan sesuatu yang mudah dipelajari, Cik Shimma tetap mempunyai semangat mahu meneruskan pembelajaran bahasa tersebut pada tahap yang lebih lanjut dan berhasrat melancong ke Russia seorang diri.

“Jika saya mahir dalam bahasa ini, saya boleh berjalan-jalan tanpa berasa kekok dengan adat mereka dan ia membantu saya supaya lebih mudah berkomunikasi dengan warga di sana,” katanya.



**MAHU BANTU GOLONGAN KURANG PENDENGARAN:** Cik Nur Sadrina Mohd Shah, pelajar tahun ketiga Universiti Teknologi Nanyang (NTU) jurusan kimia, bercita-cita menjadi seorang ahli audiologi untuk memberi bantuan kepada mereka yang kurang upaya pendengaran.

## Cita-cita jadi ahli audiologi

CITA-CITANYA mahu menjadi ahli audiologi – profesional penjagaan kesihatan yang memberi bantuan kepada golongan kurang pendengaran.

Keinginan mahu lebih memahami golongan ini tercetus ketika Cik Nur Sadrina Mohd Shah, 23 tahun, masih lagi di sekolah menengah.

“Dahulu, saya sering lalu di Sekolah Menengah Balestier Hill dengan menaiki bas dan kerap nampak pelajar pekak melakukan isyarat sesama mereka,” kata pelajar Universiti Teknologi Nanyang (NTU) jurusan kimia itu.

Cik Sadrina merupakan antara pelajar yang pernah menyertai kelas elektif Bahasa Isyarat Singapura pada semester lalu. Beliau mempelajari Bahasa Isyarat Singapura, bukan bahasa isyarat sejagat.

“Setiap negara mempunyai bahasa isyarat yang unik kepada budaya sendiri. Bahasa Isyarat Singa-

pura tidak semestinya difahami golongan pekak negara lain,” ujarnya.

Cik Sadrina juga merupakan ketua bagi Camp OutReach (COR) – kelab yang menganjurkan lawatan kemanusiaan luar negara bagi golongan pekak – di bawah Kelab Perkhidmatan Kebajikan (WSC) NTU.

“Kelab saya menyediakan wadah supaya mereka yang pekak berpeluang membantu orang lain. Saya juga dapat berinteraksi dan lebih memahami golongan ini,” katanya.

Menurut Cik Sadrina lagi, meskipun guru kelasnya juga pekak, ia tidak menghalang beliau memahami apa yang diajarkan.

“Beliau menulis di papan tanda dan berkongsi nota untuk mengajar kami isyaratnya. Beliau turut menjelaskan sejarah isyarat itu supaya lebih senang difahami,” katanya.

Di luar kelas, Cik Sadrina begi-

tu bersungguh-sungguh mengamalkan bahasa itu secara sendiri, dan akur bahawa bahasa ini harus selalu diamalkan.

“Setiap kali saya mendengar lagu, saya akan membuat isyarat mengikut lirik lagu itu. Kadangkala, dalam bas pun saya buat begitu,” ujarnya sambil tertawa.

Bagi mengejar cita-citanya, pelajar tahun ketiga itu berhasrat meraih Sijil Profesional dalam Perindustrian Audiometri Asas sebagai pelajar sambilan di Politeknik Temasek.

“Saya juga merancang mengambil kursus Jurubahasa Masyarakat apabila saya tamat pengajian nanti,” katanya positif.

Cik Sadrina memang bersemangat mempelajari bahasa ini.

“Bahasa ini tidak terhad kepada isyarat yang dilakukan dengan tangan kita sahaja. Ia memerlukan bahasa badan dan ekspresi wajah juga. Apabila digabungkan, baru datangnya persefahaman,” katanya.